

Belajar di Australia di **Institut TAFE Gordon**

Perakaunan

Reka Bentuk Dan Pembinaan Bangunan

Perkhidmatan Komuniti

Masak-memasak

Pendidikan Peringkat Awal Kanak-kanak

Kursus Bahasa Inggeris

Reka Bentuk Grafik

Dandan Rambut

Hortikultur Dan Pemuliharaan

Teknologi Maklumat

Reka Bentuk Dalaman

Teknologi Makmal

Pengurusan Pemulihan

Kejururawatan

Pembekal Khidmat CRICOS 00011G TAFE3044

**Kemahiran sebenar. Pengalaman sebenar.
Hasil pencapaian sebenar.**

thegordon.edu.au/international



Kisah Riwayat Gordon

Pendidikan bermutu selama 130 tahun

Institut TAFE Gordon adalah salah sebuah pusat pendidikan vokasional yang terbesar di Australia dan kini sudah menyediakan pendidikan amali dan praktikal yang bermutu selama 130 tahun. Oleh itu, kami tahu cara menyampaikan pengalaman yang luar biasa untuk pelajar. Institut TAFE Gordon pertama kali menyambut kemasukan pelajar antarabangsa pada tahun 1920 dan sejak itu, pelajar dari lebih daripada 75 buah negara telah datang ke Gordon untuk mengikuti pelbagai kursus persijilan, diploma dan diploma lanjut, di samping program-program bahasa Inggeris.



Mengapa harus jalani TAFE?

- Latihan amali dalam suasana yang selamat dan membantu
- Peluang penempatan yang terjamin di tempat kerja
- Kelas kecil yang mengandungi 12-20 pelajar setiap satu
- Guru-guru yang bertauliah telah menerima latihan industri dan mempunyai banyak hubungan industri
- Kaedah pembelajaran berasaskan kemahiran akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi pelajar lepasan TAFE



Kampus-kampus kami

Geelong City

Kampus kami di Geelong City bercirikan kacukan unik antara seni bina bersejarah dengan kemudahan latihan yang moden. Lokasinya di pusat bandar, bertentangan dengan Stesen Kereta Api Geelong, sangat sesuai dan amat memudahkan pelajar.



East Geelong

Kampus East Geelong kami pula terletak 10 minit sahaja dari Kampus Geelong City dan menempatkan kemudahan latihan perdagangan yang tercanggih serta unit-unit kediaman yang berpatutan harganya di dalam kampus.



Werribee

Kampus kami yang baru dan moden ini terletak 36 minit sahaja dari Melbourne di kawasan Werribee dan menawarkan kemudahan pembelajaran yang luas lagi fleksibel. Kampus-kampus ini dijangka akan dibuka kepada pelajar antarabangsa pada tahun 2018, tertakluk kepada kelulusan.



"Saya bercita-cita hendak menjadi akauntan sejak peringkat sekolah menengah lagi tetapi bermula mengikuti pengajian ijazah dalam bidang lain sebelum mengambil keputusan untuk mengejar impian ini. Saya membuat pilihan untuk belajar di Gordon kerana saya hendak mempelajari asas perakaunan dahulu agar saya dapat menjangka apa yang bakal saya hadapi apabila saya memohon kemasukan ke universiti.

Gordon tidak hanya mengajar kami ilmu teori industri ini tetapi yang lebih penting lagi, sudut amalnya juga. Saya suka cara guru berinteraksi dengan pelajar. Itu suatu pengalaman pembelajaran yang bagus bagi saya. Setelah saya selesai, saya mengumpul pengalaman kerja selanjutnya dengan cara memberikan khidmat mengisi penyata cukai secara percuma dalam komuniti, atas anjuran Pejabat Cukai Australia. Saya begitu menyukainya dan akan melakukannya lagi tahun ini.

Saya sedang bekerja sebagai penyimpan kira-kira sambilan dan sedang mengikuti tahun ketiga kursus Sarjana Muda Perdagangan, dengan bidang pengkhususan Perakaunan di Universiti Deakin. Saya bermatlamat hendak menjadi Akauntan Pengamal Yang Bertauliah."

Jenny Luong
Diplomat Lanjut Perakaunan





Lokasi Kami

Geelong adalah sebuah bandar raya pinggir laut yang sesuai untuk pelajar dan terletak pada jarak 55 minit sahaja dari Melbourne dan 35 minit dari Great Ocean Road.

Oleh sebab Geelong adalah bandar raya yang kedua terbesar di Victoria, maka tempat ini tidak kekurangan aktiviti yang menyeronokkan untuk pelajar pada hujung minggu, seperti belajar meluncur air, memerhati hidupan liar di Australia, dan mengunjungi pesta muzik, makanan dan budaya.

Pergi ke visitgeelongbellarine.com.au dan thinkgeelong.com untuk mengetahui selanjutnya tentang gaya hidup di Geelong.



Tahukah anda?

Gordon tetap berada di atas tanda aras negeri dan negara dari segi kepuasan hati pelajar dan kadar kejayaan mendapat pekerjaan. Ini bererti para pelajar kami menikmati pengalaman belajar dan seterusnya berjaya mendapat pekerjaan dalam industri masing-masing!

Sumber: Tinjauan Kemenjadian Pelajar Tahunan 2015 oleh Pusat Pendidikan Dan Penyelidikan Vokasional Negara.



Kursus Intensif Bahasa Inggeris untuk Pelajar Asing (ELICOS)

- Bahasa Inggeris Untuk Tujuan Akademik (EAP)
- Kursus Bahasa Inggeris Am
- Bahasa Inggeris Untuk Pelawat Dan Pelancong

Yuran

Semua kursus bahasa Inggeris sepenuh masa kami berharga \$265 seminggu, atau \$2650 bagi kursus yang bertempoh 10 minggu, kecuali kursus separuh masa untuk pelawat dan pelancong, yang berharga \$200 seminggu.

Jadual Perbandingan Bahasa Inggeris Gordon

Program Bahasa Inggeris Gordon	Tahap Keluar	Tempoh	Harga	Tahap Kemasukan
Bahasa Inggeris Am Kod CRICOS: 060418k	Rendah	10 minggu	\$2,650	IELTS 3.5 atau yang setaraf dengannya
	Pertengahan Rendah	10 minggu	\$2,650	IELTS 4.0 atau yang setaraf dengannya
	Pertengahan	10 minggu	\$2,650	IELTS 4.5 atau yang setaraf dengannya
Bahasa Inggeris Untuk Tujuan Akademik Kod CRICOS: 060419J	Pertengahan Tinggi	10 minggu	\$2,650	IELTS 5.0 atau yang setaraf dengannya
	Tinggi	10 minggu	\$2,650	IELTS 5.5 atau yang setaraf dengannya

Penginapan

Anda boleh tinggal di kampus pada harga \$135 seminggu yang merangkumi semua kemudahan. Program menyewa di rumah orang juga disediakan supaya anda berpeluang menajamkan kemahiran bahasa sambil mengalami budaya asli Australia.

Penginapan (seminggu)

Jenis	Penginapan Berseorangan Sepenuhnya (termasuk sajian makan)	Penginapan Berdua Sepenuhnya	Penginapan Berseorangan Separa Penuh (tanpa sajian makan)	Ikatan
Menyewa di rumah orang	\$230	\$200	-	-
Kediaman Pelajar	-	-	\$135	\$540

Laluan menuju ke **universiti**

Gordon banyak menawarkan program diploma dan diploma lanjut yang menjamin laluan ke Universiti Deakin di Geelong dan di Melbourne, dan juga kemasukan ke banyak universiti lain di Australia.

Mulakan kursus persijilan atau diploma dan dapatkan jaminan penempatan pekerjaan serta latihan amali

Mulakan kursus ijazah sarjana muda daripada tahun kedua di universiti melalui program laluan

Mulakan kursus ijazah sarjana muda daripada tahun ketiga di universiti

Mulakan kursus diploma lanjut dan habiskan tahun kedua di TAFE untuk mempelajari kemahiran amali selanjutnya

Terus sertai tenaga kerja dengan kelayakan TAFE



Hubungi kami

Tel: +61 3 5225 0920

E-mel: international@gordontafe.edu.au

Web: thegordon.edu.au/international

Facebook: [facebook.com/TheGordonInternational](https://www.facebook.com/TheGordonInternational)

Surat-menyurat: The Gordon International
Private Bag 1
Geelong Mail Centre
Victoria 3221
Australia

**Kemahiran sebenar. Pengalaman sebenar.
Hasil pencapaian sebenar.**

thegordon.edu.au/international

TAFE3044 05581 13 Jan 2017

**the
Gordon**
Institute of TAFE Australia